

21/02/2003

Harga petrol melambung (HL)

Kadir Dikoh; Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran serangan terhadap Iraq akan meningkatkan harga minyak ke paras AS\$50 (RM190) setong dan boleh mencetuskan lebih banyak keganasan.

Perdana Menteri berkata, walaupun kenaikan harga minyak berikutan serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq boleh menguntungkan Malaysia kerana negara ini memiliki minyak, tindakan itu tidak boleh diterima.

Dr Mahathir (gambar) yang akan mempengerusikan sidang kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) minggu depan menegaskan Malaysia menentang keras sebarang bentuk peperangan untuk menyelesaikan konflik antara negara.

"Malaysia bernasib baik kerana kita ada minyak. Bagi setiap kenaikan satu dolar (RM3.80) harga minyak, kita untung kira-kira AS\$54 juta (RM205.20 juta). Sebaliknya negara seperti Jepun, nasib baik ia negara kaya, akan menyebabkan Jepun kerugian AS\$3 bilion (RM11.4 bilion).

"Tetapi negara yang tiada minyak lebih malang kerana mereka bukan negara kaya. Oleh itu, kita sangat bersyukur, sekurang-kurangnya kita mempunyai minyak," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang semalam.

Sementara itu, dalam temu ramah khas dengan Associated Press (AP) di Putrajaya, Dr Mahathir menjelaskan peperangan terhadap Iraq bukan saja menyebabkan harga minyak naik, malah mendorong keganasan di kalangan orang Islam yang sedang marah.

Beliau turut memberi amaran Iraq mungkin memusnahkan telaga minyaknya jika diserang dan harga minyak dunia akan meningkat dengan mendadak.

"Melihat kepada apa yang dilakukan Iraq di Kuwait yang membakar telaga minyak di sana, minyak tidak akan diperoleh dalam tempoh yang lama dan kita masih bergantung kepada minyak dari Arab Saudi dan Venezuela... yang sudah tentu menyebabkan kenaikan harga minyak mungkin kepada AS\$50 (RM190) setong," katanya.

Semalam, harga minyak mentah melambung melebihi AS\$37 (RM140.60) setong buat kali pertama dalam tempoh 29 bulan berikutan kemungkinan serangan terhadap Iraq sehingga mencetuskan kebimbangan di pasaran.

Dalam temu bual itu, Perdana Menteri juga berkata, resolusi baru Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap Iraq tidak sepatutnya hanya mengesahkan tindakan Amerika Syarikat dan Britain untuk mewajarkan serangan itu.

"Ia mestilah bermakna, bukan hanya menukar perkataan dengan niat walau apa pun yang terjadi, perang mesti diisytiharkan ke atas Iraq," katanya.

Dr Mahathir berkata, tindakan itu tidak boleh diterima NAM yang mempunyai 114 negara dengan kebanyakannya negara membangun dan menjadi satu daripada pertubuhan politik terbesar dunia.

Pada sidang akhbar selepas mesyuarat MT, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, mesyuarat itu turut membincangkan mengenai sidang kemuncak NAM dan perkara utama disentuh ialah kemungkinan Iraq diserang.

"Tumpuan kita bukan saja kepada serangan terhadap Iraq, tapi lebih kepada penggunaan peperangan untuk menyelesaikan masalah antara negara. Kita tidak bersetuju dengan membunuh orang sebagai satu cara untuk menjayakan hasrat sesuatu negara.

"Kita juga tidak bersetuju dengan tindakan pre-emptive (awalan) kerana tidak ada sesiapa yang berhak untuk membuat keputusan bahawa kerana

kononnya dia menghadapi bahaya, maka dia berhak menyerang lebih awal negara yang disangka akan menyerang dia," katanya.

Mengenai tindakan Turki mengkaji semula langkah membenarkan Amerika Syarikat menggunakan negara itu sebagai pangkalan bagi menyerang Iraq, beliau berkata Washington sebenarnya tidak peka terhadap bantahan masyarakat dunia.

"Daripada tunjuk perasaan di seluruh dunia dan ini adalah tunjuk perasaan terbesar pernah dilakukan, ia jelas menunjukkan bantahan terhadap Amerika. Sudah tentu Amerika boleh buat dakwaan ia bukan menggambarkan pendapat keseluruhan rakyat.

"Bagaimanapun, apabila demonstrasi berlaku di Malaysia dengan disertai hanya 200 atau 300 orang, mereka (Amerika) mencadangkan bahawa kerajaan ini (Malaysia) harus letak jawatan kerana rakyat tidak suka kepada kita.

"Dan sekarang ini berjuta-juta orang berdemonstrasi terhadap negara itu (Amerika), (tetapi) mereka tidak bercakap perkara yang sama," katanya.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai percubaan pegawai Korea utara yang dikatakan menuduh Amerika Syarikat menyebabkan krisis program senjata nuklear ketika mesyuarat peringkat pegawai kanan (SOM) NAM bermula di sini semalam.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata pihaknya ingin mendengar apa pandangan anggota lain dalam NAM nanti.

"Sudah tentu kita tidak mahu melihat perang terhadap Korea, seperti juga kita tidak mahu melihat perang di Iraq. Kita diberitahu bahawa salah satu sebab mengapa mereka (Amerika) tidak akan menyerang Korea adalah kerana Korea mempunyai senjata pemusnah yang mungkin digunakannya.

"Tetapi mereka sanggup untuk menyerang Iraq kerana Iraq tidak mungkin menggunakan senjata seumpama itu. Jadi mereka mengaku bahawa Iraq kurang bahaya daripada Korea utara.

"Adalah aneh mengapa mereka tidak memberi fokus kepada negara yang lebih bahaya, (tetapi) mahu (menyerang) negara lemah," katanya.

Mengenai permintaan Palestin meminta bantuannya sebagai pengerusi sidang kemuncak NAM untuk berunding dengan Amerika Syarikat bagi membolehkan Presiden Yasser Arafat hadir ke sidang itu, Dr Mahathir berkata beliau boleh membantu tapi soalnya sama ada Arafat boleh balik ke Palestin atau tidak selepas itu.

"Kita tahu hasrat Israel ialah supaya Yasser Arafat dibuang dari negaranya," katanya.